

901-121

**SIRI SEJARAH PENTADBIRAN**

**SEJARAH PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Arkib Negara Malaysia  
1988**

M  
374.50506851  
SEJ

529503  
APB

10 MAY 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## KANDUNGAN

	Muka Surat
Pendahuluan	i
Sejarah Awal	1
Penubuhan Kementerian Pendidikan	6
Pelajaran di Sabah	8
Pelajaran di Sarawak	8

## PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia untuk mengeluarkan penerbitan-penerbitan mengenai bahan-bahan yang berada di dalam simpanannya. Antaranya termasuklah Senarai-senarai Penerimaan, Inventori, Penerbitan-penerbitan In-Extenso, Panduan Rekod-rekod Negeri, Panduan Rekod-rekod Persekutuan dan senarai topik-topik tertentu. Sebahagian besar daripada Panduan-panduan tersebut tidak mempunyai sejarah pentadbirannya.

Dalam usaha untuk melengkapkan lagi Panduan-panduan tersebut, Arkib Negara telah menjalankan projek Sejarah Pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1984. Panduan ini disediakan berdasarkan maklumat sehingga tahun 1982 dan pada ketika itu terdapat dua puluh empat buah Kementerian di dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kementerian Pendidikan adalah salah satu daripada Kementerian-kementerian tersebut.

Kajian Sejarah Pentadbiran adalah penting dan setiap kumpulan arkib perlu mempunyai sejarah lengkap dan tepat mengenai Jabatan-jabatan yang mewujudkan rekod-rekod tersebut. Maklumat latarbelakang seperti ini merupakan alat yang tidak boleh dipisahkan di dalam menjelaskan makna rekod-rekod Kerajaan dan di dalam memahami fungsi Jabatan-jabatan berkenaan. Sejarah pentadbiran juga dapat membantu Pegawai-pegawai Arkib mengenali keadaan sebenar rekod-rekod yang berada di dalam jagaannya.

Kerja-kerja untuk menyediakan Sejarah Pentadbiran dua puluh empat buah Kementerian dan sejumlah besar Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan adalah rumit dan memerlukan masa yang panjang. Oleh itu Sejarah Pentadbiran ini akan diterbitkan berperingkat-peringkat dalam bentuk siri yang dinamakan 'SIRI SEJARAH PENTADBIRAN'.

Saya mengakui bahawa Sejarah Pentadbiran Kementerian Pendidikan ini, dari segi bentuk dan maklumat, adalah tidak selengkap yang diharapkan, oleh sebab beberapa masalah yang dihadapi. Namun demikian, saya berharap bahawa Sejarah Pentadbiran ini dapat membantu penyelidik-penyelidik yang berminat untuk mengetahui latarbelakang sejarah penubuhan, objektif-objektif dan fungsi-fungsi sesebuah Jabatan yang tertentu.

Akhir kata saya mengucapkan tahniah kepada Puan Wan Jamilah Rahman yang telah berusaha menjayakan terbitan ini.

ZAKIAH HANUM  
Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia

### Sejarah awal

Sejarah Pendidikan di British Malaya bermula pada 21 Oktober 1816 dengan pembukaan sekolah yang pertama di Malaya iaitu *Penang Free School* (juga merupakan Sekolah Inggeris yang pertama di Asia Tenggara). Pada tahun 1826, sebuah institusi yang serupa telah ditubuhkan di negeri Melaka dikenali sebagai *Malacca Free School*. Sebagaimana *Penang Free School*, *Malacca Free School* juga terhutang budi kepada Colonial Chaplain, Rev. R.S. Hutchings yang bertanggungjawab sebagai Setiausaha Amanah Raya sekolah-sekolah tersebut. *Malacca Free School* sekarang dikenali sebagai *Malacca High School*. Pada tahun 1823, Sir Stamford Raffles telah menyediakan pelan mengenai sebuah institusi bagi mengajar bahasa-bahasa negeri-negeri Timur serta kebudayaan Barat. Pada tahun 1837, *Singapore Free School* telah ditubuhkan. Apabila *Singapore Free School* menyerahkan kumpulan wang serta hartanya kepada Pemegang Amanah Raya projek tersebut, sekolah berkenaan ditukar kepada *Raffles Institution* dan kekal sehingga sekarang.

Di bawah Guru Besarnya, Mr. R.W. Hullett, yang dilantik pada tahun 1879 dan memegang jawatan tersebut selama lebih dari tiga puluh tahun, mutu kerja Sekolah Raffles Institution tersebut telah dipertingkatkan sehingga menjadi contoh kepada sekolah-sekolah Inggeris di tempat lain.

Setelah mengalami beberapa perubahan, Institusi tersebut diletakkan di bawah 'Cambridge Graduate' pada tahun 1870. Institusi ini diambil alih oleh Kerajaan pada tahun 1903 dan sejak itu ia merupakan Sekolah Inggeris Kerajaan yang utama.

Sekolah-sekolah lain yang penting didirikan setelah negeri-negeri Melayu berada di bawah pemerintah Inggeris adalah *King Edward VII School*, Taiping; *Victoria Institution*, Selangor dan *Malay College*, Kuala Kangsar. Semua sekolah tersebut dijadikan Institusi Kerajaan dalam tahun 1920-an, disebabkan masalah kewangan.

Sekolah-sekolah berasrama penuh juga didirikan, antaranya termasuklah Maktab Melayu Kuala Kangsar (1904), *English College* di Johor Bahru (1920) dan *Malay Girls' School*, Kuala Lumpur (1947). Walau bagaimanapun pada tahun 1928, *English College* tidak lagi menjadi sekolah berasrama penuh, sebaliknya menjadi sekolah harian seperti sekolah-sekolah lain.

Dari awal tahun 1897 terdapat perbincangan-perbincangan mengenai penubuhan sekolah perdagangan bagi melatih penuntut Melayu lelaki untuk jawatan-jawatan mekanik atau pemasang elektrik di Jabatan Keretapi Tanah Melayu. Pada tahun 1926, Sekolah Perdagangan yang pertama telah dibuka di Kuala Lumpur. Dalam masa sembilan tahun berikutnya tiga buah sekolah lagi dibuka di Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

*Teacher Technical School* dibuka di Kuala Lumpur oleh Jabatan Kerja Raya, bertujuan untuk melatih pembantu-pembantu Teknik yang akan berkhidmat dengan Jabatan Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Kerja Raya dan kemudiannya Jabatan Ukur. Sekolah ini ditutup di awal Perang Dunia Pertama tetapi telah dibuka semula pada tahun 1918 sebagai '*Technical Training School*' dan diletakkan di bawah Pejabat Kejuruteraan, Keretapi Tanah Melayu. Sekolah tersebut diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya pada bulan Oktober 1925. Pada bulan Januari 1931, ia dipindahkan ke Jabatan Pelajaran. Pada tahun 1935, ia tidak lagi dibawah Jabatan Persekutuan, sebaliknya diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun ia masih berada di bawah Jabatan Pelajaran dan memberi khidmatnya keseluruh Malaya.

Pada tahun 1918 Jawatankuasa Pelajaran Teknikal dan Perindustrian Persekutuan Tanah Melayu memasukkan Sekolah Pertanian di dalam cadangannya. Tetapi hanya pada tahun 1931 barulah Jabatan Pertanian menubuhkan Sekolah Pertanian di Serdang. Apabila ia dibuka semua selepas pendudukan Jepun, persetujuan telah dicapai untuk menaikkan status dan taraf kursus yang diberikan oleh Sekolah Pertanian dengan menjadikannya sebagai Kolej Pertanian.

Sebelum pemindahan Negeri-negeri Selat kepada Pejabat Jajahan pada tahun 1867, tidak terdapat polisi Kerajaan mengenai pelajaran sama ada dalam Bahasa 'ibunda atau Bahasa Inggeris'.

Di samping itu tidak ada satu sistem yang seragam mengenai pelajaran. Hanya dalam tahun 1872 setelah Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perundangan dilantik pada tahun 1870, barulah '*Inspector of Schools*' dilantik. '*Inspector of Schools*' ini merupakan seorang Pegawai Tadbir dan bukan pegawai professional yang berkelulusan dalam bidang perguruan. Nama Jawatan '*Inspector of Schools*' ditukar kepada '*Director of Public Instruction*' pada tahun 1907 bagi Negeri-negeri Selat. Jawatan ini masih dipegang oleh Pegawai Tadbir, hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja jawatan tersebut dipegang oleh '*Principal of Raffles Institution*'. '*Director of Public Instruction*' ini dibantu oleh '*Superintendent of Education*', juga seorang Pegawai Tadbir di Pulau Pinang dan oleh Pegawai Pelajaran sebagai '*sub-inspector*' di Melaka.

Perkembangan pelajaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah sama. Negeri Perak adalah negeri yang pertama mempunyai Jabatan Pelajaran yang ditubuhkan pada tahun 1890 dan seorang Guru Besar dilantik sebagai '*Inspector of Schools*'. Pada tahun 1897, seorang Pegawai Tadbir telah dilantik sebagai '*Federal Inspector of Schools*'.

Pada tahun 1906, jawatan ini dimansuhkan dan tugas menjaga hal-hal berkaitan dengan pelajaran di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu diletakkan di bawah Pengarah Pelajaran, seorang Pegawai Tadbir. Jabatan Pelajaran Negeri masih dikekalkan tetapi jawatan baru tersebut berjaya menyeragamkan tujuan dan sistem pentadbiran Jabatan-jabatan berkenaan.

Sejak perantikan pertama Pengarah Pelajaran bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, pada tahun 1906, satu polisi telah diamalkan iaitu melantik guru-guru profesional dan bukan Pegawai-pegawai Tadbir untuk bertanggungjawab terhadap Jabatan-jabatan Pelajaran. Hanya dalam tahun 1913 barulah kesemua Jabatan Pelajaran dikendalikan oleh guru-guru profesional.

Pada tahun 1916, jawatan Penolong Pengarah Pelajaran diwujudkan. Jawatan baru ini bertanggungjawab terhadap pelajaran Melayu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sehingga tahun 1922, jawatan ini dipegang oleh Pegawai Tadbir. Selepas tahun itu tanggungjawab tersebut telah diberikan kepada Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris. Pada tahun 1921, satu lagi jawatan baru telah diwujudkan. Jawatan itu dikenali sebagai Penyelia Wanita (*Lady Supervisor*) di Malay Girl's College, tetapi terpaksa diberhentikan pada tahun 1931 disebabkan oleh keadaan ekonomi.

Ketua Inspektor bagi Sekolah-sekolah Inggeris di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik pada tahun 1919. Pada mulanya jawatan ini ditempatkan di Taiping dan kemudian telah dipindahkan ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1938, jawatan tersebut ditukar kepada Timbalan Penasihat dan dihantar ke Singapura di mana Pengarah Penasihat ditempatkan.

Pada tahun 1924, Penolong Pengarah Pelajaran Cina, telah dilantik. Beliau ialah seorang Pegawai Tadbir yang mempunyai pengetahuan dalam bahasa Cina. Pada tahun 1931, dua orang lagi Pegawai berkenaan telah dilantik di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Pada tahun 1930, seorang Pegawai '*Malayan Educational Service*' yang berpengetahuan Bahasa Tamil telah dilantik sebagai Inspektor Sekolah-sekolah Tamil di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Jawatan tersebut kemudiannya ditukar kepada '*Inspector of Indian Schools*'.

Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu mempunyai Jabatan Pelajarannya sendiri. Kedah melantik seorang Pegawai dari Perkhidmatan Pelajaran Malaya sebagai Penguasa Pelajaran (*Superintendent of Education*) pada tahun 1918 dan kakitangan sekolah-sekolah Menengah Inggeris yang dipinjam dari perkhidmatan yang sama.

Negeri Johor melantik pegawainya sendiri bagi mengawasi Sekolah-sekolah Inggeris. Pada tahun 1928, seorang pegawai pinjaman dilantik sebagai Penguasa Pelajaran (*Superintendent of Education*) bagi menguruskan cawangan-cawangan sekolah Inggeris, Melayu dan Tamil.  
(Sekolah Cina Kekal di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang-orang Cina).

Di negeri Kelantan seorang Pegawai Pinjaman telah dilantik sebagai Penguasa Pelajaran pada tahun 1931 tetapi jawatan tersebut dihapuskan sebagai langkah ekonomi. Pada tahun 1932 tugas penyeliaan pelajaran kembali kepada Pegawai Tadbir.

Di Terengganu, seorang pegawai pinjaman dilantik sebagai Ketua Penyelia Sekolah-sekolah (*Chief Inspector of Schools*) pada tahun 1940. Di Perlis, seorang pegawai pesara Perkhidmatan Pelajaran Malaya (*Malayan Educational Service*) dilantik sebagai Penyelia Sekolah (*Inspector of Schools*) pada tahun 1939.

Setelah pendudukan Jepun di Persekutuan Tanah Melayu berakhir, Jabatan Pelajaran yang seragam telah ditubuhkan di bawah Malayan Union. Selepas itu, satu penyata mengenai dasar pelajaran umum (*General Education Policy*) yang perlu dipatuhi telah dikeluarkan. Dasar ini termaktub di dalam Malayan Union Council Paper No. 53, 1946 bertujuan:

1. memberi pelajaran sekolah rendah dalam Bahasa Melayu, Cina, Tamil, dan Inggeris secara percuma.
2. mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di semua sekolah.
3. memberi kemudahan-kemudahan pelajaran kepada kanak-kanak perempuan sebagaimana yang diperolehi oleh kanak-kanak lelaki.

Apabila Perlembagaan digubal pada tahun 1948, dirasakan perlu dikaji semula dasar pelajaran umum bersesuaian dengan keadaan Persekutuan Tanah Melayu. Di akhir tahun 1949, Jawatankuasa Penasihat Pusat mengenai pelajaran ditubuhkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil Majlis Perundangan, Kerajaan dan badan-badan yang berkaitan dengan pelajaran, bertujuan untuk



menasihati Kerajaan mengenai satu polisi yang seragam bagi pelajaran. Jawatankuasa ini bermesyuarat buat pertama kalinya pada 13 Oktober 1949.

Peristiwa yang paling penting pada tahun 1948 ialah penerbitan Laporan Suruhanjaya Carr-Saunders mengenai pelajaran tinggi di Malaya. Laporan ini telah dibentangkan di mesyuarat Majlis Undangan Persekutuan pada 31 Mei 1948. Ia mencadangkan penubuhan Universiti Malaya dan penubuhan Fakulti-fakulti Sastera, Sains dan Perubatan. Cadangan ini adalah idea dari percantuman antara '*Raffles College*' dan '*King Edward VII College of Medicine*'. Cadangan-cadangan lain ialah berkaitan dengan penuntut-penuntut, kemasukan ke Universiti, keperluan-keperluan skim vokasional dan mata pelajaran-mata pelajaran yang akan diajar, perubatan dan pergigian, latihan bagi guru-guru, aktiviti-aktiviti lepas sekolah, kakitangan, perpustakaan, penyelidikan dan sebagainya. Sehubungan dengan ini satu jawatankuasa yang diberi nama '*Select Committee*' telah ditubuhkan untuk mengkaji cadangan-cadangan yang disediakan oleh Suruhanjaya tersebut. Laporan tersebut dimajukan kepada Majlis Undangan Persekutuan pada 16 Disember 1948.

Di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tanggungjawab terhadap dasar pelajaran terletak di bawah Kerajaan Persekutuan. Hanya setelah Pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan yang pertama, portfolio tersebut dipegang oleh '*Member for Education*', Y.B. Dato Sir Clough Thuraisingham, telah memegang jawatan ini daripada 9 April 1951 hingga 23 Jun 1955. Kemudian Pengarah Pelajaran, Encik C.D. Whitfield, C.B.E, telah dilantik sebagai '*Member for Education*'.

## PENUBUHAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Selepas Pilihanraya Umum dan terbentuknya Kerajaan Perikatan, Y.B. Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran yang pertama pada 9 Ogos 1955 dan Encik Too Joo Hing sebagai Timbalan Menteri.

Tugas mengendalikan hal pelajaran diambil alih oleh Kementerian Pelajaran, apabila Kementerian ini ditubuhkan pada tahun 1955. Pada tahun 1987 nama Kementerian Pelajaran telah ditukarkan kepada Kementerian Pendidikan.

Sistem pendidikan negara ini berbentuk sistem pusat dan pentadbirannya pula dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu Persekutuan (Pusat), Negeri, Bahagian, Daerah dan Sekolah. Pada amnya, struktur pentadbiran di Semenanjung terdiri daripada 3 peringkat iaitu Persekutuan, Negeri dan Sekolah. Hanya beberapa buah negeri sahaja seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu dan Johor mempunyai jentera pentadbiran di peringkat Daerah. Struktur pentadbiran di Sabah dan Sarawak pula merupakan jentera pentadbiran di peringkat Bahagian dan Daerah yang menjadi perantaraan di antara peringkat Negeri dan peringkat Sekolah.

Di peringkat Persekutuan (Pusat), Kementerian Pendidikan bertanggungjawab membuat keputusan mengenai dasar pendidikan dan perlaksanaannya serta mentadbir seluruh sistem pendidikan. Ia ditadbirkan bersama oleh pegawai ikhtisas dan pegawai tadbir di bawah arahan Menteri Pendidikan yang bertanggungjawab membuat segala keputusan mengenai dasar. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan bertanggungjawab penuh kepada Menteri dalam segala fungsi dan operasi Kementerian. Ketua Pengarah Pendidikan pula mengetahui dan bertanggungjawab penuh dalam bidang ikhtisas. Ketua Setiausaha Pendidikan dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pendidikan dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan.

### Objektif

Objektif Kementerian Pendidikan ialah untuk mendidik rakyat Malaysia melalui sistem Pendidikan Kebangsaan supaya membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan memenuhi kehendak-kehendak negara yang sedang membangun sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu mewujudkan satu masyarakat yang taat setia, berdisiplin dan bersatupadu selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

## Organisasi

Dari segi organisasi, Kementerian Pendidikan terbahagi kepada Bahagian-bahagian berikut:-

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Kewangan dan Akaun
3. Bahagian Pembangunan dan Bekalan
4. Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan - Bahagian ini pula mengandungi unit-unit berikut:-
  - a. Unit Perjawatan
  - b. Unit Perkhidmatan
  - c. Unit Naik Pangkat dan Tatatertib
  - d. Unit Khas (Hal Ehwal Tuntutan Persatuan)
5. Unit Audit Dalam
6. Bahagian Biasiswa
7. Jabatan Penuntut Malaysia Seberang Laut
8. Unit Perkhidmatan Pengurusan
9. Penasihat Undang-undang
10. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
11. Jabatan Pendidikan Negeri
12. Bahagian Pendaftaran Sekolah-sekolah dan Guru-guru
13. Bahagian Sekolah-sekolah
14. Lembaga Peperiksaan
15. Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan
16. Pusat Perkembangan Kurikulum
17. Biro Buku Teks
18. Bahagian Pendidikan Guru

19. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran
20. Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional
21. Institut Latihan Pegawai Pelajaran Malaysia (MESTI)
22. Bahagian Pendidikan Agama Islam

### **Pelajaran Di Sabah**


Dasar Pelajaran di Sabah ialah menyediakan pelajaran percuma kepada semua kanak-kanak di Sekolah Rendah, menambah kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah Menengah khususnya di luar bandar, meninggikan mutu pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah; mengembangkan pelajaran teknik dan latihan vokasional; menambah kemudahan-kemudahan latihan guru untuk menampung perkembangan murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan memperkenalkan bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama di semua sekolah.

### **Pelajaran di Sarawak**

Hasil dari pemanjangan Akta Pelajaran 1961 ke Sarawak, Bahasa Malaysia telah dijadikan satu matapelajaran wajib di semua Sekolah Rendah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan di seluruh negeri dalam tahun 1976. Mulai 1 Januari 1977 bahasa perantaraan di peringkat darjah satu di semua sekolah rendah Inggeris Kerajaan dan bantuan Kerajaan di Negeri ini telah digantikan dengan Bahasa Malaysia.

Kesimpulannya, pelajaran di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat di bawah kategori 'Perkhidmatan Sosial' yang diperuntukan oleh Kerajaan kepada rakyat. Ini bertujuan supaya dapat memelihara dan memperbaiki mutu pelajaran amnya, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 dan juga menjadi garis panduan dalam merangka Dasar Ekonomi Baru. Keseluruhan peruntukan pelajaran adalah ditanggung oleh Kerajaan. Kutipan Cukai Pelajaran telah dimansuhkan pada tahun 1978.

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN



10 MAY 1990